


LAPURAN PROJEK TAHUN AKHIR  
KURSUS DIPLOMA KEJURUTERAAN JENTERA  
KAJIAN KEJURUTERAAN JENTERA  
ITM SHAH ALAM

TO STUDY THE WORK FLOW AND MATERIAL HANDLING SYSTEMS  
IN A MANUFACTURING FACTORY

DISEDIAKAN OLEH:

1. HASSAN BIN ALIAS  
IC ITM 82751830
2. MAHMOOD BIN SALLEH  
IC ITM 82757686

MEI 1986



INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM

## SINOPSIS

Projek ini merupakan kajian mengenai aliran kerja(work flow) dan juga sistem pelayanan bahan(material handling system) disebuah kilang pembuatan komponen-komponen besi dan keluli iaitu Syarikat Metal Former anak Syarikat Sapura Holdings bertempat di Petaling Jaya. Daripada penganalisan kami kilang ini merupakan kilang yang baru dibangunkan. Semestinya kedapatan berbagai kelemahan dari segi pengurusan maupun pengendalian.

Tumpuan kajian adalah lebih mendekati kepada skop berkembang majunya kilang ini berdasarkan kepada dua prinsip utama diatas. Dalam tempoh perlaksanaan projek ini kajian telah dijalankan untuk memastikan keadaan dan perjalanan kerja yang terlibat dalam proses pengeluaran item-item yang dikeluarkan oleh kilang.

Untuk mendapatkan data-data yang berkaitan kami telah mendekati diri dengan keadaan sebenar kilang, dengan membuat tinjauan yang menyeluruh keatas kilang. Seterusnya kami mengumpul matlumat-matlumat dan data-data yang berkaitan dengan mengadakan temubual dengan pihak kilang dan pekerja-pekerja serta penelitian keatas kerja-kerja yang dilakukan, kemudiannya merumuskan segala kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan.

Untuk menyenangkan kerja dan memudahkan pemahaman matlumat-matlumat dan data-data yang diperolehi dipecahkan mengikut bahagian. Bahagian tersebut adalah meliputi bahagian keluaran,

bahan mentah, susunatur kilang, pelayanan bahan(material handling) dan juga pemeliharaan keatas mesin-mesin. Dimana kesemuanya mempengaruhi perjalanan kerja dan proses pengeluaran item-item.

Dengan berbekalkan ilmu pengetahuan yang dimiliki, cadangan dan saranan yang berasaskan teori pengurusan dibuat untuk mengatasi masalah-masalah dan kelemahan-kelemahan yang didapati. Cadangan-cadangan dan saranan-saranan yang dikemukakan kebanyakannya adalah berbentuk pilihan yang mana pihak kilang boleh menentukan cadangan-cadangan yang difikirkan sesuai dan menepati kepada masalah-masalah yang sedang dihadapi.

Dengan terlaksananya projek ini mengikut kehendak-kehendak perlaksanaannya adalah diharapkan dapat membantu meningkatkan lagi prestasi kilang.

KATA-KATA PENGHARGAAN

Kami merasa bersyukur kehadiran Allah SWT. kerana dengan berkat dan keizininNya laporan projek ini telah dapat disiapkan dalam jangka waktu yang ditetapkan. Dalam menjalankan kajian ini kami telah menghadapi berbagai-bagai masalah, namun dengan ketabahan hati dan kegigihan usaha kami semuanya telah dapat diatasi.

Disini kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terimakasih kepada penasihat projek kami, Encik Ahmad Fakri Shaari diatas pandangan, teguran dan kritikan yang telah beliau berikan diwaktu perancangan dan perlaksanaan projek ini.

Tidak ketinggalan kami tujukan penghargaan kepada Encik Faizal pengurus kilang Syarikat Metal Former Sdn. Berhad yang telah memberi peluang kepada kami membuat penyelidikan keatas kilang tersebut.

Kepada penyelarasa kerja, Encik Razak kami sangat menyanjungi budibai dan inisiatifnya membantu kami memberikan maklumat dan data-data yang kami perlukan. Kepada pekerja-pekerja yang terlibat juga kami tidak lupa mengucapkan ribuan terimakasih. Begitu juga dengan semua kakitangan Syarikat ini.

Kami juga secara langsung ingin mengucapkan ribuan terimakasih kepada pehak kajian kejuruteraan kerana membenarkan kami menggunakan kemudahan yang diperlukan. Kepada mana-mana pensyarah yang turut sama memberi pandangan dan tunjukajar kami turut menghulurkan penghargaan dan tanda terimakasih.

<u>KANDUNGAN</u>	<u>MUKASURAT</u>
SINOPSIS	i
KATA-KATA PENGHARGAAN	iii
KANDUNGAN	v
<u>BAB I</u>	
PENGENALAN	
1.1 Latar belakang kilang	i
1.2 Fakta-fakta berhubung dengan keadaan kilang	2
<u>BAB 2</u>	
BAHAN KELUARAN	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Masalah yang berkaitan	15
2.3 Cadangan	17
2.4 Perencanaan produk	20
2.5 Skop perencanaan produk	21
<u>BAB 3</u>	
BAHAN MENTAH	
3.1 Pengenalan	30
3.2 Permasalahan	30
3.3 Penyelesaian kepada masalah	32
<u>BAB 4</u>	
SUSUNATUR KILANG	
4.1 Pengenalan	53
4.2 Jenis susunatur	54
4.3 Permasalahan	55